

**Najib Ucap Tahniah Kepada Atlet Terjun Negara Raih Pingat Emas Keempat Malaysia  
Bernama  
Aug 1, 2014**

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada atlet terjun negara Ooi Tze Liang atas kejayaan meraih pingat emas keempat Malaysia pada Sukan Komanwel ke-20 yang sedang berlangsung di Glasgow, Scotland.

"Syabas kepada atlet terjun negara Ooi Tze Liang kerana memperoleh pingat emas keempat Malaysia di #Glasgow2014," kata perdana menteri dalam akaun Twitter beliau, Jumaat.

Ooi menyumbang pingat emas yang tidak diduga itu selepas memenangi acara akhir 3m papan anjal lelaki di Kompleks Renang Royal Commonwealth di Edinburgh pada Jumaat.

Atlet terjun berumur 20 tahun dari Pulau Pinang itu mengumpul 457.60 mata untuk mengalahkan pemenang pingat emas acara 1m papan anjal Jack Laughher dari England dengan 7.90 mata selepas Laughher hanya mampu mengumpul 449.70 mata manakala pingat gangsa menjadi milik Oliver Dingley dengan 425.20 mata.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1057346>